

PERCUMA

BULETIN

DISEMBER, 2021

BANDARAYA

MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA

Banjir di MBSJ Menutup Tirai 2021

13 Kampung
Tradisi Tenggelam
m/s 3



ISI KANDUNGAN



3

**BANJIR DI MBSJ MENUTUP TIRAI 2021
13 KAMPUNG TRADISI TENGGELAM**

6

IMBASAN TAHUN 2021

8

**LAWATAN PENANDA ARASAN PUSAT KAWALAN
(COMMAND CENTRE) MBSJ KE PERBADANAN
PUTRAJAYA DAN MAJLIS BANDARAYA MELAKA
BERSEJARAH**

9

**MBSJ PERLUAS SALURAN BAYARAN CUKAI
TAKSIRAN MENGGUNAKAN APLIKASI DI SHOPEE**

10

**JELAJAH KAYUHAN BASIKAL 605KM BAWA
SEMANGAT ULANGTAHUN PERTAMA MBSJ**

11

**MAJLIS SANJUNGAN BUDI LAMBAIAN KASIH
TPr. NORAINI BINTI ROSLAN**



SIDANG REDAKSI

PENAUANG:

YBhg. TPr. Noraini binti Roslan SJS, PPT
Datuk Bandar
Majlis Bandaraya Subang Jaya

PENASIHAT:

Tn. Hj. Mohd Zulkurnain bin Che Ali AMN, AMS
Setiausaha Perbandaran
Majlis Bandaraya Subang Jaya

KETUA EDITOR:

Encik Azfarizal bin Abdul Rashid
Timbalan Pengarah
Jabatan Korporat dan Pengurusan Strategik

EDITOR:

Encik Mohamad Junus bin Baharom
Penolong Pengarah (Kanan)
Jabatan Korporat dan Pengurusan Strategik

SIDANG EDITORIAL:

Puan Noor Sabrina binti Samsudin
Puan Saharani binti Ismail

PEREKA GRAFIK:

Siti Marlina binti Chek Long
Khairul bin Rosli
Muhammad Shahrhan Hanief
bin Shaharolzaman

JURUGAMBAR:

Encik Mohd Ferdaus bin Khazali
Encik Mohd Fazli bin Osman

EDARAN BULETIN:

Puan Farah Izwani binti Ahmad
Encik Fazli bin Naiman

BANJIR DI MBSJ MENUTUP TIRAI 2021

13 KAMPUNG TRADISI TENGGELAM

BANJIR MELANDA MBSJ

Hujan lebat tanpa henti serta fenomena air pasang besar yang berlaku pada 18-19 Disember 2021 yang lalu telah mengakibatkan 13 kampung tradisi di tepi Sungai Klang di kawasan MBSJ ditenggelami banjir.

Episod bermula dengan hujan lebat di awal pagi 18 November (Sabtu) telah menyebabkan beberapa rumah di Kampung Bukit Lanchong, Subang Jaya telah dinaiki air dan 22 keluarga telah dibawa berpindah ke Dewan Serbaguna Bukit Lanchong seawal jam 3.00 pagi. Walaubagaimanapun, hujan renyai yang tidak berhenti menyebabkan lebih ramai penduduk dipindahkan ke dewan tersebut oleh pasukan PANTAS MBSJ. Keadaan diburukkan lagi apabila terdapat ban yang pecah menyebabkan air sungai Klang melimpah ke seluruh kawasan Bukit Lanchong. Pasukan PANTAS MBSJ dibantu oleh PDRM dan RELA telah mengarahkan penduduk untuk berpindah. Aset lori dan kenderaan pacuan 4 roda telah digerakkan untuk memindahkan mangsa pemindahan di Dewan Bukit Lanchong dan penduduk Bukit Lanchong ke Sekolah Kebangsaan Putra Height. Hujan yang berterusan pada sebelah petang telah menyebabkan air mula naik bermula jam 6.00 petang di beberapa kawasan kampung bersebelahan dan akhirnya menyebabkan banjir di 13 Kampung Tradisi di sepanjang sungai Klang.

Justeru itu, pasukan BOMBA dan MBSJ telah mengaturlgerakkan aset strategik seperti bot penyelamat dan kenderaan pengangkut bagi misi menyelamatkan dan memindahkan mangsa-mangsa banjir. Memandangkan kawasan liputan bencana yang luas, pasukan BOMBA dan PANTAS MBSJ telah diselaraskan mengikut zon bencana supaya misi memindahkan dan mengeluarkan mangsa dapat dilaksanakan dengan serentak.

Operasi menyelamatkan ini juga turut dibantu agensi keselamatan yang lain seperti PDRM dari Ibupejabat Polis Daerah Subang Jaya, RELA Petaling, Angkatan Tentera Malaysia(ATM) serta Pasukan Penyelamat Khusus Malaysia (SMART). Beberapa pertubuhan sukarelawan serta individu juga turut sama-sama membantu di dalam misi ini.



Sebanyak 22 Pusat Pemindahan Sementara (PPS) telah dibuka di kawasan pentadbiran MBSJ yang terdiri daripada sekolah, dewan serbaguna, masjid dan surau dan hampir 5000 mangsa telah dipindahkan di PPS ini. Jabatan Kebajikan Masyarakat bertungkus lumus sejak awal lagi dengan dibantu oleh MBSJ dan sukarelawan menguruskan pendaftaran dan kebajikan mangsa banjir serta menyediakan keperluan seperti bantuan makanan dan minuman, barangan keperluan asas dan sebagainya bagi pengoperasian PPS ini. Pihak IPD Subang Jaya dan MBSJ melalui Jabatan Penguatkuasa turut menugaskan anggota Penguatkuasa MBSJ di setiap PPS bagi membantu kawalan dan pengurusan PPS tersebut.

Bagi melancarkan lagi operasi menyelamatkan mangsa banjir ini, MBSJ telah membuka Pusat Kawalan Operasi Bencana (PKOB) Majlis Bandaraya Subang Jaya bermula 19 Disember 2021 bertempat di Ibu Pejabat MBSJ. Para pegawai serta kakitangan MBSJ telah ditugaskan secara bergilir bagi memastikan maklumat bencana sentiasa dikemaskini dari masa ke semasa serta menyelaras penerimaan serta penyaluran apa sahaja bantuan yang diperlukan ke lokasi bencana.

FASA PASCA BANJIR

Bermula 20 Disember 2021, Pegawai Penyelaras dan Perhubungan Kawasan Zon Bencana MBSJ telah dilantik dan ditempatkan di 6 lokasi zon bencana iaitu di Kampung Bukit Lanchong, Kampung Tengah, Kampung Kenangan, Kampung Sri Aman, Kampung Kuala Sungai Baru serta di Taman Batu 3.

Di antara skop tugas mereka adalah seperti:

- Pemantauan kawasan dan penyelaras komunikasi di antara MBSJ, Ahli Majlis, Pejabat Daerah, Penghulu, Ketua Kampung dan Agensi Kerajaan yang lain,
- Menyelaras bantuan kecemasan, serta sumbangan kepada mangsa
- Pemantauan dan penyelarasan kerja-kerja pemulihan dan pembersihan pasca banjir
- Penyelarasan sukarelawan (Agensi/NGO/Pertubuhan/Individu) yang ingin memberi bantuan, sumbangan dan menjalankan khidmat bakti pasca banjir
- Pelaporan harian kepada PKOB

MBSJ juga turut memulakan usaha pemulihan kawasan pasca banjir. Namun usaha ini bukanlah semudah yang digambarkan. Usaha pemulihan kawasan pasca banjir mengambil masa selama 18 hari bermula 20/12/2021 sehingga 07/01/2021.



Sepanjang tempoh tersebut, seramai 3644 sukarelawan (18 agensi kerajaan, 47 Badan Bukan Kerajaan) telah membantu dan menyumbang tenaga semasa banjir dan pasca banjir. Ada di antara mereka yang sanggup datang dari luar negeri Selangor bagi membantu mangsa yang terlibat.

Kerja-kerja pembersihan kawasan yang terjejas mula dilaksanakan. Kakitangan MBSJ turut dilibatkan di dalam operasi pembersihan kawasan yang terjejas. YBhg. Dato' Menteri Besar Selangor, Datuk Bandar MBSJ bersama Pegawai Daerah Petaling juga turut turun padang melawat kawasan yang terjejas.

Sepanjang tempoh pelaksanaan kerja-kerja pembersihan ini, sejumlah 3986

trip dan sejumlah 18,727 tan sampah telah dikutip bagi memulihkan semula keadaan kawasan terjejas.

MBSJ juga turut mengalihkan sejumlah 86 buah kenderaan yang terjejas akibat banjir bagi menyelesaikan masalah halangan lalulintas.

Di waktu ini juga, pelbagai sumbangan turut diterima oleh MBSJ baik dari badan kerajaan mahupun badan bukan kerajaan. Bahkan MBSJ juga turut menerima sumbangan individu. Kesemua bantuan yang diterima oleh MBSJ telah disalurkan di 22 PPS yang memerlukan serta kepada mangsa banjir di kawasan yang terjejas.





TINDAKAN SELEPAS BANJIR

Bagi memastikan MBSJ lebih bersedia menghadapi kejadian banjir di masa hadapan, MBSJ telah merancang beberapa strategi bagi mengurangkan kesan banjir serta lebih bersiap siaga di masa hadapan.

Di antara perancangan MBSJ adalah seperti:

- Cadangan menaiktaraf sistem saliran
- Mengadakan Sistem Amaran Awal Banjir
- Pemeriksaan Pasukan PANTAS dan Pelan Pengurusan Bencana MBSJ

Secara keseluruhannya, bencana banjir kali ini sememangnya suatu kejutan yang tidak dijangka namun hikmahnya

di sebaliknya ianya memberi pengajaran yang sangat berguna untuk semua.

"SEDIAKAN PAYUNG SEBELUM HUJAN"

MBSJ mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua Agensi Keselamatan, Agensi Kerajaan daripada Kerajaan Negeri mahupun Kerajaan Pusat, Pihak Berkuasa Tempatan, Institusi Agama, Badan dan Pertubuhan Bukan Kerajaan, sector korporat, sukarelawan dan penduduk yang tampil membantu dan memberi sumbangan ketika kejadian banjir mahupun di dalam aktiviti bantuan dan pemulihan pasca banjir. Semoga segala bantuan dan sumbangan yang diberikan dapat meringankan ujian

yang dihadapi oleh penduduk yang terkesan dengan kejadian bencana ini.





8 Feb 2021 (Isnin)
Majlis Penyerahan Sumbangan Komputer Riba
Kepada Pelajar Cemerlang Program Pangsapuri
Angkat Dan Kampung Angkat



3 Mac 2021 (Rabu)
Mesyuarat Pengurusan Strategik dan Pelan Operasi
Bajet Tahunan (POBT) MBSJ Bil. 1/2020



3 Mac 2021 (Rabu)
Program Pembedayaan Komuniti Bersih Dan Ceria
Pangsapuri Sri Nipah



9 Jun 2021 (Rabu)
Wawancara Laporan Khas Tugasan Penggali Kubur
Menguruskan Jenazah Pesakit Covid-19



Jun 2021
Skuad Pantas MBSJ Membantu Menyelesaikan
Aduan Sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan
(PKP 3.0)



6 Julai 2021 (Selasa)
Majlis Penyerahan Sumbangan Covid-19 Oleh Pertubuhan
Kebajikan Melayu, Cina, India Dan Lain-Lain (MICO)



19 September (Ahad)
Program Taman Selamat Bersama Majlis Perwakilan
Penduduk Sempena Pembukaan Taman Awam
Majlis Bandaraya Subang Jaya

Imbasan



20 Oktober (Rabu)
Majlis Sambutan Ulang Tahun Pertama
Majlis Bandaraya Subang Jaya



02 November (Selasa)
Operasi Bantuan Pembersihan Dan Pemulihan
Kejadian Banjir Kilat di kawasan Sri Kembangan
dan Sri Serdang



18 Disember 2021 (Sabtu)
Bantuan Pemindahan Mangsa Banjir
Di Daerah Klang



09-12 Disember 2021 (Khamis-Ahad)
Majlis Pelepasan Jelajah Kayuhan Basikal MBSJ
Sempena Sambutan Ulangtahun Pertama MBSJ



18-19 Disember 2021 (Sabtu-Ahad)
Operasi Pemindahan Mangsa Banjir
di kawasan Kg. Tradisi, Puchong



28 Disember 2021 (Selasa)
YBhg Datuk Bandar mengagihkan barang keperluan
kepada mangsa di Pusat Gerakan Zon Bencana



6 April 2021 (Selasa)
Majlis Anugerah Bandar Rendah Karbon 2020



Mei 2021
Kerja-Kerja Basmi Kuman (Disinfeksi)
Majlis Bandaraya Subang Jaya



22 Mei 2021 (Sabtu)
Program Saringan Covid-19 Percuma Negeri
Selangor



19 Ogos 2021 (Khamis)
Majlis Menandatangani Perjanjian Pelupusan Sisa
Buangan Antara Worldwide Holdings Berhad Dan
PBT Negeri Selangor



19 Ogos 2021 (Khamis)
Program Penyampaian Sumbangan Bakul Makanan
Peringkat MPP Zon 5 Subang Jaya



10 September (Jumaat)
Majlis Penyerahan Tong Kitar Semula Dan Tong Kompos
Kepada Pangsupri Angkat MBSJ
MPP 13 & 14

2021



06 Oktober (Rabu)
Majlis Menandatangani Memorandum
Persefahaman (MOU) MBSJ Bersama Nestle
Products Sdn Bhd Dan KPT Recycle Sdn Bhd



13 Oktober (Rabu)
Latihan Dan Uji Coba Peralatan persiapan
menghadapi Monsun Timur Laut



24 Disember 2021 (Jumaat)
YAB Dato' Menteri Besar turun padang meninjau dan membersihkan
kawasan terkesan dengan banjir.



25 Oktober (Isnin)
Majlis Perpisahan Datuk Bandar yang pulang
semula ke MPK bermula 3 Januari 2022





TPr. Noraini Binti Roslan diberi taklimat berkenaan sistem SPIKTA-M yang digunakan oleh MBMB

LAWATAN PENANDA ARASAN PUSAT KAWALAN (COMMAND CENTRE) MBSJ KE PERBADANAN PUTRAJAYA DAN MAJLIS BANDARAYA MELAKA BERSEJARAH

Seramai 12 kakitangan MBSJ telah menyertai Lawatan Penanda Arasan dan Sesi Perkongsian Ilmu Bersama Pegawai-Pegawai MBSJ ke Perbadanan Putrajaya Command Centre dan Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah (MBMB) yang telah diadakan pada 8-9 Disember 2021 (Rabu dan Khamis) yang lalu.

Lawatan ini diadakan bagi memberi pendedahan dan dimensi pemikiran yang baru kepada kakitangan di samping memperkembangkan lagi proses kerja pengurusan melalui adaptasi amalan-amalan terbaik yang dipraktikkan di agensi tersebut.

Pelbagai ilmu yang diperolehi hasil dari lawatan tersebut di antaranya seperti pengoperasian Bilik Kawalan CCTV serta amalan-amalan terbaik yang diamalkan oleh Perbadanan Putrajaya.

Di Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah (MBMB) pula, delegasi lawatan telah mempelajari mengenai Pengurusan Sistem Pintar Kawalan Trafik MBMB (SPIKTRA-M). YBhg. TPr. Noraini Binti Roslan, Datuk Bandar Majlis Bandaraya Subang Jaya turut meluangkan masa hadir ke MBMB bagi mendengar taklimat mengenai sistem tersebut.

SPIKTRA-M merupakan projek pertama di Malaysia yang menggunakan teknologi IR4.0 yang telah dibangunkan sejak Jun 2019, bagi tujuan penyuraian trafik bagi kelancaran lalulintas dengan menggunakan rangkaian gambar Artificial Intelligence (AI) yang berupaya menghasilkan Sistem Lampu Hijau Bersepadu (Integrated Greenwave Linking) dengan penjimatan masa sehingga 300%, Pengurusan Lalulintas Pintar, Laporan/

Analisis trafik, Kemaskini Perisian OTA yang mudah dipantau dan diakses melalui Bilik Kawalan SPIKTRA-M serta melalui aplikasi pintar.

Adalah diharapkan, lawatan penanda arasan yang berjalan selama 2 hari 1 malam ini dapat memperluaskan lagi pandangan dan pengetahuan delegasi lawatan melalui perkongsian ilmu dan seterusnya dapat meningkatkan lagi mutu perkhidmatan.





BAYAR CUKAI TAKSIRAN MBSJ DI APLIKASI SHOPEE

TEMPOH PROMOSI: 1 DIS 2021 - 28 FEB 2022



Sila Imbas Kod QR untuk Terma & Syarat



Majlis Bandaraya Subang Jaya

majlisbandarayasubangjaya

sjcitycouncil

sjcitycouncil

www.mbsj.gov.my

MBSJ PERLUAS SALURAN BAYARAN CUKAI TAKSIRAN MENGGUNAKAN APLIKASI DI SHOPEE

Selaras dengan revolusi industri 4.0, penggunaan teknologi pintar yang moden adalah sangat memberikan impak yang besar terhadap perkhidmatan-perkhidmatan secara dalam talian (online). Justeru, dalam usaha memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada komuniti di dalam bandar raya ini, MBSJ telah berkolaborasi bersama pihak Shopee Malaysia bagi tawaran Kempen Bayar Cukai Taksiran MBSJ di aplikasi Shopee.

Melalui inisiatif ini, MBSJ menyediakan tawaran baucer potongan sebanyak 10% daripada jumlah keseluruhan bayaran cukai taksiran dengan nilai maksimum sebanyak RM5.00 kepada pembayar cukai yang melaksanakan transaksi pembayaran melalui aplikasi Shopee. Tempoh tawaran adalah selama 90 hari bermula 1 Disember 2021 sehingga 28 Februari 2022. Sukacita dimaklumkan, penebusan baucer adalah terhad kepada 223 pelanggan terawal pada setiap hari sepanjang tempoh kempen dilaksanakan di mana pelanggan atau pengguna aplikasi Shopee perlu membuat penebusan baucer terlebih

dahulu sebelum meneruskan transaksi selanjutnya. Setiap pelanggan atau pembayar cukai yang telah berjaya melaksanakan penebusan dan pembayaran hanya layak menebus baucer potongan sebanyak satu (1) kali sahaja sepanjang tempoh pelaksanaan kempen.

Berikut merupakan langkah-langkah untuk pelaksanaan Kempen Bayar Cukai Taksiran di aplikasi Shopee.

- Muat turun aplikasi Shopee dan daftar keahlian My@MBSJ
- Tebus baucer pada paparan iklan Nak Mudah Bayar Cukai Taksiran MBSJ dibahagian 'Tickets, Top-up & Bills'
- Klik masuk dibahagian 'Tickets, Top-up & Bills'
- Pelanggan yang berjaya menerima baucer perlu membuat penebusan baucer potongan 10% (MBSJ Cukai Taksiran)
- Pilih 'Bills' - 'Local Council'
- Pilih Majlis Bandaraya Subang Jaya dan masukkan 16 digit akaun cukai taksiran dan jumlah bayaran yang ingin dilaksanakan
- Klik pada baucer 10% yang telah

ditebus untuk mendapatkan potongan


viii) Klik butang 'Checkout' dan teruskan proses pembayaran.

ix) Setelah berjaya klik pada butang 'Download My Receipt' untuk simpanan dan rujukan

Justeru, selaras dengan Pelan Strategik Subang Jaya 2020-2025 iaitu Teras 5 : Capaian Pintar di bawah Strategik 2 : Transaksi di Hujung Jari serta kehidupan norma baharu berikutan pandemik Covid-19, MBSJ amat menggalakkan para pelanggan untuk melaksanakan segala urusan secara dalam talian (online) tanpa perlu menunggu di kaunter sekaligus merebut segala peluang dan inisiatif yang telah disediakan.

Untuk sebarang informasi lanjut, sila layari laman portal rasmi MBSJ di www.mbsj.gov.my dan platform media sosial MBSJ (facebook, instagram dan twitter) atau hubungi Pusat Kawalan (Command Center) MBSJ di talian 03 80247700.

LANGKAH - LANGKAH UNTUK MEMBUAT BAYARAN CUKAI TAKSIRAN MBSJ



JELAJAH KAYUHAN BASIKAL 605KM BAWA SEMANGAT ULANGTAHUN PERTAMA MBSJ

Seramai 13 kakitangan MBSJ yang diketuai oleh Tuan Haji Mohd Zulkurnain Che Ali, Setiausaha Bandaraya membawa semangat Ulangtahun Pertama Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ) dalam satu program Jelajah Kayuhan Basikal sejauh 605 km bermula dari Majlis Bandaraya Subang Jaya ke Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP). Majlis Pelepasan Program Jelajah Kayuhan ini telah berlangsung pada 9 Disember 2021 dan ianya telah disempurnakan oleh YBhg. TPr. Noraini Binti Roslan, Datuk Bandar MBSJ bertempat di Arena MBSJ, Subang Jaya.

Jelajah Kayuhan yang berlangsung selama 4 hari bermula 9 – 12 Disember 2021 ini diadakan sebagai simbolik Ulangtahun Pertama MBSJ. Ianya melibatkan beberapa Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang lain seperti

Majlis Perbandaran Manjung, Majlis Bandaraya Taiping, Majlis Bandaraya Seberang Perai dan juga Majlis Bandaraya Pulau Pinang.

Jelajah Kayuhan yang bermula dari Subang Jaya, Selangor ini telah merentasi Negeri Perak Darul Redzuan (Manjung, Lumut, Ipoh, Taiping) dan juga Majlis Bandaraya Seberang Perai sebelum tiba ke lokasi kemuncak iaitu di Majlis Bandaraya Pulau Pinang.

Program kemuncak di Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) memperlihatkan kesungguhan MBPP apabila mereka turut menjemput Pihak Berkuasa

Tempatan yang lain untuk bersama-sama menjelajah Pulau Pinang dalam siri jelajah Kayuhan pada kali ini. Di antara PBT yang turut serta adalah seperti Majlis Bandaraya Ipoh, Majlis Bandaraya Seberang Perai dan juga Majlis Bandaraya Kuala Terengganu yang telah bersama-sama menyertai program kayuhan mengelilingi Pulau Pinang bermula dari pekan George Town.

Pastinya Program Jelajah Kayuhan ini memberi satu semangat baru kepada semua peserta kayuhan yang membawa semangat Ulangtahun MBSJ dan diharapkan program seperti ini dapat memperkukuhkan lagi ukhwah di antara PBT.



Tuan Syamsul Hazeman B. Md Saleh, Yang Dipertua MP Manjung, (kanan) turut berkayuh bersama MBSJ di Manjung Perak.



Tuan Mohd Zulkurnain bertukar jersey bersama YBhg. Dato' Sr Haji Rozali B. Haji Mahmud, Datuk Bandar MB Seberang Perai.



YBhg. Dato' Ar. Yew Tung Seang (dari kanan berdiri di atas pentas) melepaskan peserta kayuhan jelajah Pulau Pinang.



Majlis Sanjungan Budi Lambaian Kasih

TPr. NORAINI BINTI ROSLAN

Selepas hampir 4 tahun menyumbang bakti berkhidmat di MBSJ, pastinya kehilangan Datuk Bandar Pertama MBSJ akan dirasai oleh seluruh warga kerja MBSJ.

Komitmen beliau memastikan MBSJ sentiasa terbaik pastinya akan diingati oleh setiap warga MBSJ dan ianya jelas terlihat semasa Majlis Sanjungan Budi Lambaian Kasih TPr. Noraini Binti Roslan yang telah diadakan pada 31 Disember 2021 yang lalu bertempat di Laman Kenanga, Ibu Pejabat MBSJ.

Majlis ini dihadiri oleh YBrs. Haji Mohd Zulkurnain Bin Che Ali, Timbalan Datuk Bandar MBSJ bersama barisan Ahli Majlis dan Ketua Jabatan. Di dalam Majlis tersebut, seluruh warga kerja telah memberikan penghormatan terakhir kepada beliau dan setiap wakil jabatan turut menyampaikan hadiah sebagai tanda ingatan.

Datuk Bandar juga turut menyampaikan ucapan terakhir beliau dan mengingatkan seluruh warga kerja untuk terus komited melaksanakan tugas dalam usaha menjadikan MBSJ sebuah bandaraya yang cemerlang di peringkat antarabangsa.



YBhg. Datuk Bandar menerima cenderamata daripada En. Anbarasan, Ahli Majlis sebagai tanda penghargaan.



YBhg. Datuk Bandar merakamkan kehadiran pulang.

Majlis diakhiri dengan upacara Datuk Bandar diiringi pasukan perbarisan serta seluruh warga MBSJ bagi sesi merakam waktu pulang terakhir beliau pada jam 5.00 petang.

Sebagai makluman, YBhg. TPr. Noraini Binti Roslan merupakan Datuk Bandar Pertama MBSJ

dan beliau telah memulakan perkhidmatan beliau sejak 3 Januari 2018 sehingga 31 Disember 2021. Beliau menggantikan YBhg. Dato' Nor Hisham Bin Ahmad Dahlan yang tamat kontrak pada 31 Disember 2017. Di antara pencapaian terbaik beliau adalah penaiktarafan MPSJ menjadi sebuah Bandaraya sekaligus menjadikan beliau Datuk Bandar Wanita yang Pertama.



Daulat Tuanku



**DULI YANG MAHA MULIA SULTAN SHARAFUDDIN IDRIS SHAH ALHAJ
IBNI ALMARHUM SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH ALHAJ**

D.K., D.M.N., D.K.(TERENGGANU), D.K.(KELANTAN), D.K.(PERAK), D.K.(PERLIS), D.K.(NEGERI SEMBILAN), D.K.(KEDAH), D.K.(JOHOR), D.K.(PAHANG),
S.P.M.S., S.S.I.S., S.P.M.J.

**SULTAN DAN YANG DIPERTUAN NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN
SERTA SEGALA DAERAH TAKLUKNYA**

Sembah Tahniah Dan Ucap Selamat

**Sempena Ulang Tahun Hari Keputeraan Yang Ke-76
Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor**

Semoga Allah Lanjutkan Usia Dan Merahmati Pemerintahan Tuanku

Sembah Takzim Daripada:



**Datuk Bandar, Setiausaha, Ahli-Ahli Majlis dan Seluruh Warga Kerja
Majlis Bandaraya Subang Jaya**

HAK CIPTA TERPELIHARA

Sebarang penerbitan semula di dalam apa jua bentuk penerbitan tidak dibenarkan kecuali dengan kebenaran bertulis daripada MBSJ.

DITERBITKAN OLEH:

Majlis Bandaraya Subang Jaya,
Persiaran Perpaduan, USJ 5,
47610 Subang Jaya Selangor.